

20/02/2004

Karnival Ansara sempena telethon pendidikan esok

KUALA LUMPUR: Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (Ansara) akan menganjurkan karnival mulai jam 10 pagi sehingga 12 malam esok, sempena Kempen Telethon Pendidikan Kebangsaan.

Ansara mensasarkan kutipan RM1 juta melalui kempen itu, yang bertujuan membantu pelajar kurang berkemampuan.

Presiden Ansara, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata penubuhan tabung itu sebagai pelengkap kepada tabung bantuan pendidikan lain bagi memberi peluang pendidikan kepada pelajar miskin.

Katanya, dana berkenaan akan digunakan bagi membantu pelajar tanpa mengira bangsa dan agama supaya mereka dapat seiring dengan pelajar lain dalam bidang pendidikan.

"Kita tidak mahu ada anak Malaysia ketinggalan dalam bidang pendidikan disebabkan kemiskinan, persekitaran dan hubungan kekeluargaan tidak stabil menjadi penghalang kemajuan mereka," katanya pada sidang media Karnival Ansara 2004, di Dataran Merdeka, di sini semalam.

Antara bantuan ialah mengendalikan pusat tuisyen, pembayaran yuran sekolah, pinjaman, biasiswa dan bantuan kecemasan.

Setakat ini, Ansara menerima sumbangan lebih RM950,000 daripada sektor korporat. Syarikat berkenaan ialah Celcom (M) Berhad sebanyak RM250,000, Kumpulan UEM RM150,000, Tenaga Nasional Berhad (TNB) RM125,000, dan Telekom RM125,000.

Jaya Jusco Stores Bhd, Badan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), pengeluar makanan Baba's serta Kontraktor Bumiputera dan Rakan-rakan, masing-masing menyumbang RM50,000, manakala Ahmad Zaki Resources Bhd RM25,000.

Mukhriz berkata orang ramai yang ingin membantu boleh berbuat demikian melalui sistem pesanan ringkas (SMS) dengan menaip TABUNG HIP dan dihantar ke 36600.